

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(II)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN JAWI
YB. H'NG MOOI LYE**

5. Adakah perkhidmatan bas percuma *Congestion Alleviation Transport* (CAT) akan diteruskan pada tahun yang akan datang?
 - (a) Sila nyatakan status bilangan pengguna perkhidmatan bas percuma (CAT) di seluruh Pulau Pinang mengikut setiap bulan,bilangan pengguna sejak bermula hingga sekarang.
 - (b) Berapakah bayaran daripada Kerajaan Negeri kepada RAPID bagi setiap tahun untuk program perkhidmatan bas percuma (CAT)?

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

5. Kontrak perkhidmatan Bas *Congestion Alleviation Transport* (CAT) selama 3 tahun akan tamat pada 31 Mac 2021. Pada masa kini, Kerajaan Negeri meneruskan sesi libat urus dengan pemegang taruh di kawasan setempat dalam menambahbaik setiap laluan dari semasa ke semasa. Kerajaan Negeri akan membuat penilaian dan kajian terperinci terhadap keperluan perkhidmatan Bas CAT sama ada perkhidmatan ini perlu diteruskan atau tidak.
 - (a) Bilangan pengguna perkhidmatan Bas CAT mengikut bulan dari permulaan operasi pada tahun 2018 hingga Februari 2020 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
 - (b) Jumlah bayaran perkhidmatan Bas CAT kepada pihak Rapid Penang adalah RM15,184,000.00 setahun.

Jumlah Penumpang Bulanan Bagi Setiap Laluan Bas CAT Dari Januari Hingga Februari 2020

Laluan	Bulan		Jumlah Penumpang
	Januari	Februari	
Air Itam A	122,624	105,904	228,528
Air Itam B	115,485	119,120	234,605
Balik Pulau	11,874	10,291	22,165
Bukit Mertajam	17,021	15,753	32,774
Nibong Tebal	7,348	7,385	14,733
Tanjong Tokong / Pulau Tikus	32,884	30,666	63,550
Batu Kawan	9,327	8,580	17,907
Bertam	5,566	5,834	11,400
Bayan Baru	46,434	47,200	93,634
Georgetown 2	28,525	26,383	54,908
Alma	5,672	5,542	11,214
Sungai Dua (USM)	83,934	92,717	176,651
Seberang Jaya	38,856	35,992	74,848
Jumlah	525,550	511,367	1,036,917